

**Ekstremisme Agama Islam Di Malaysia**  
**Era Pasca Moden**  
*Islamic Religious Extremism in Malaysia Post-Modern Era*

FATIN NUR ATHIRAH BINTI YUSOF\*<sup>1</sup>

**ABSTRACT**

*The challenge of Islamic religious extremism has a very negative impact on the Muslim world and also has an impact on the country of Malaysia. Furthermore, the agenda and propaganda from Islamic religious extremist groups in the post-modern era are seen to be very contrary to what is advocated in the Quran and Sunnah. This study focuses on Islamic extremists in the post-modern era only. The objective of this article is to study Islamic religious extremists, identify the factors of Islamic religious extremists and analyze the development of Islamic religious extremists in post-modern Malaysia. This research method uses a qualitative method with the premier data collection method, which is through books and journal articles. The results of the study found that the influence of Islamic extremists spread in Malaysia through internet networks that were born in the post-modern era and there was a spread from the country of Indonesia. In addition, the misunderstanding of the concept of jihad among the Malaysian community is also one of the factors for these activities. Finally, this study is very important for providing an overview and exposure to the community about the threat of Islamic religious extremists to prevent Malaysians from falling into and being influenced by this group, especially in the post-modern era which is relative and which is easily spread especially on social media platforms.*

**Keywords:** *Religious Extremism, Islam, Malaysia, Post-Modern*

**PENDAHULUAN**

Mutakhir ini, perkataan ekstemis agama Islam dilihat menjadi sebagai mimpi ngeri kepada seluruh masyarakat global di seluruh dunia dan juga termasuk Malaysia. Hal ini kerana ideologi dan pemikiran yang dibawa oleh mereka dianggap sangat melampau dan keterlaluan daripada apa yang telah digariskan oleh agama Islam. Selain itu, ideologi dan pemikiran mereka bukan sahaja merosakkan dan mengotorkan pemikiran masyarakat, bahkan sehingga mencapai tahap mengorbankan nyawa-nyawa manusia yang tidak bersalah. Tambahan pula, isu ini dapat dilihat dengan bagaimana pengeboman yang mengorbankan ribuan nyawa yang dilakukan oleh kelompok-kelompok ekstemis agama yang berlaku di seluruh dunia seperti yang terjadi di Afghanistan, Syria, Iraq, Indonesia dan sebagainya. Ideologi radikal dan ketaksuban mereka terhadap sesuatu perkara dalam agama sangat membimbangkan terutamanya pengaruh mereka terhadap golongan orang muda yang mempunyai semangat jihad yang tinggi dan kepada mereka yang tidak mempunyai ilmu agama yang jitu.

Pada era pasca moden di Malaysia, kemunculan dan pertumbuhan kelompok-kelompok ini dilihat berkembang dengan membawa pelbagai ideologi yang lebih licik dan mengelirukan dengan menjunjung pelbagai nama yang menggambarkan kebenaran dan kemurnian dalam

---

<sup>1</sup> **Fatin Nur Athirah Binti Yusof** \* (Corresponding Author), Postgraduate candidate at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: [p121848@siswa.ukm.edu.my](mailto:p121848@siswa.ukm.edu.my)

perjuangan mereka untuk menegakkan agama Islam. Oleh itu, kelompok mereka ini bukan sahaja memberi implikasi yang negatif kepada individu dan masyarakat, malah turut memberi kesan yang cukup besar kepada negara. Justeru, pengkaji akan mengkaji ekstremisme agama di Malaysia pasca moden bagi merungkai faktor-faktor, ciri-ciri, kewujudan, serta perkembangan kelompok ini di Malaysia era pasca moden bagi memperluaskan lagi pengetahuan masyarakat terhadap kehadiran kelompok ekstremis agama ini dalam komuniti khususnya di Malaysia.

## SOROTAN LITERATUR

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), pasca merujuk kepada setelah ataupun selepas manakala moden berkaitan dengan masa kini. Bagi José Hernández Rubio (2019) pula mengatakan bahawa ahli falsafah dan ahli sosiologi bersepakat dan bersetuju bahawa tafsiran pasca moden adalah merujuk kepada bidang kritikan terhadap *hermeneutik* kemodenan pasca moden dan ia merupakan suatu era selepas daripada era moden. Oleh itu, dalam mengaitkan ekstremis agama Islam pasca moden, memetik pandangan Nurcholish Madjid dan Abdurrahman Wahid bahawa istilah pasca moden adalah pemikiran baru dan menjadi perbualan yang menarik di dunia. Pasca moden merupakan sebuah pemikiran yang dikenal sebagai bentuk antitesis ataupun penentangan dari modenisme. Pasca moden juga merupakan sebuah tanda bahawa telah masuknya di era abad ke dua puluh dan ianya merupakan idea yang cuba menutup kekurangan yang terkandung dalam idea tradisionalisme, modenisme, dan fundamentalisme. Tambahan pula, pasca moden merupakan fahaman yang bersifat relatif yang mana sudah tentu ianya berbeza dengan doktrin agama Islam yang mengiktiraf kebenaran bersifat mutlak (Yuyun Rohmawati 2021).

Selain itu, kebanyakan sejarawan seni turut berpandangan bahawa bermulanya era pasca moden iaitu pada sekitar tahun 1975 iaitu pada akhir abad ke-20 serta beralihnya fasa tumpuan dunia era pasca moden iaitu berhadapan dengan sebuah senario baharu. Dalam konteks di Malaysia, perubahan dari era moden kepada pasca moden agak sedikit terlewat iaitu bermula sekitar tahun 1985 an. Dalam pada masa yang sama, wujudnya pelbagai tafsiran bagi istilah pasca moden antaranya ia ditafsirkan sebagai sikap anti-modern bersandarkan kepada penolakan terhadap prinsip-prinsip moden dan ada yang menafsirkan sebagai penyusunan kembali makna-makna yang terdapat pada era moden. Tambahan pula, kebanyakan tokoh pemikir pasca moden menganggap bahawa pasca moden pada hakikatnya menawarkan beberapa perubahan yang mana ia memberi manfaat kepada masyarakat, namun pada masa yang sama ia turut memberi ancaman. Memetik pandangan Ziauddin Sardar menjelaskan bahawa pasca moden bukan hanya sekadar menguasai struktur kehidupan manusia dalam masyarakat menerusi individu ataupun kumpulan, namun juga melalui perkara-perkara yang lain seperti ilmu pengetahuan, ekonomi, politik dan komunikasi (Mohamad Kamal Abb Aziz 2021).

Tambahan lagi, dalam prinsip asas pasca moden, Sardar menyebut bahawa pemikiran pasca moden keatas sesebuah kewujudan adalah *simulacrum* iaitu perbezaan di antara imej dan realiti material adalah tidak wujud. Contohnya peperangan yang berlaku dalam alam siber yang mana kehidupan manusia menjadi watak dalam mainan teater video global tersebut yang berubah secara tidak pasti. Implikasinya menyebabkan sesuatu realiti yang diserap menjadi fiksyen semata-mata dipanggil sebagai *hyperreality*. Ini bermakna bahawa kehidupan sosial yang diatur bukan berdasarkan realiti, namun diambil daripada model, simulasi, imej suci dan watak yang diciptakan semata-mata (*representation*). Maka setiap *representation* ini membawa kepada simulasi baharu dan akhirnya proses tersebut saling menyambung seperti dalam

kaleidoskop. Ini juga menunjukkan bahawa era pasca moden menggambarkan imej dan simbol yang tidak mempunyai hubungan dengan realiti (Sharifah Sofiah 'Atiqah Syed Ibrahim dan Ismail Yusof 2004).

Di samping itu, dalam buku *Postmodernisme and Islam* oleh Akbar S. Ahmed (1992: 143-144) turut menjelaskan beberapa ciri dan watak sosiologi pasca moden iaitu antara adalah: Pertama munculnya pemberontakan yang dilakukan dengan kritis terhadap perkara yang berkaitan dengan projek modernisme, lunturnya kepercayaan kepada agama yang bersifat transendan serta penerimaan pandangan pluralisme relativisme kebenaran. Kedua adalah kerancakan industri media massa sehingga ia dianggap sebagai lanjutan daripada sistem deria manusia bahkan media massa dapat menentukan kesalahan dan kebenaran perilaku manusia kerana dianggap sebagai jelmaan tuhan dan agama baru. Ketiga adalah fenomena kemunculan kelompok keagamaan dan radikal hasil daripada reaksi masyarakat yang meragui kebenaran ilmu, teknologi dan falsafah moden yang mana ia dilihat tidak berhasil mematuhi janji emansipasi dalam memberikan kebebasan dan kehidupan yang baik kepada manusia. Keempat adalah kawasan bandar menjadi semakin besar dan rancak sebagai pusat kebudayaan manakala kawasan luar bandar menjadi tempat yang dipinggirkan. Kelima, golongan dari pelbagai kelas sosial atau kumpulan minoriti semakin mendapat peluang besar dengan bebas dan terbuka dalam mengemukakan pendapat mereka. Keenam kecenderungan percampuran nilai, keyakinan dan budaya sehingga sukar mempertahankan suatu budaya tersebut. Manakala yang terakhir adalah bahasa yang digunapakai dalam pembahasan pasca moden tidak lagi mempunyai kejelasan makna dan konsisten bahkan juga bersifat paradoks atau bercanggah dengan pendapat umum (Aminuddin Ruskam al-Dawamy 2004).

Oleh yang demikian, apabila menilai kepada era pasca moden, ia sudah semestinya merupakan suatu bentuk pasca modernisme yang wujudnya pelbagai idea-idea pemikiran dan aliran yang menimbulkan kekeliruan yang cukup besar dalam masyarakat. Jika diteliti ciri-ciri pasca modernisme tersebut ke dalam konteks kelompok ekstremis agama Islam era pasca moden, maka dapat dikeluarkan beberapa ciri-ciri kelompok tersebut pertamanya adalah golongan yang menentang era moden, kedua kemunculan karakter fiksyen imej suci, ketiga kerancakan media massa yang menjadi sebagai *platform* kepada golongan tersebut. Keempat mereka menggunakan kaedah baharu yang bersifat relatif dan sebelumnya tiada dalam khazanah hukum Islam klasik. Tambahan lagi, menurut Muhammad Adam Abd. Azid, Mohd Farhan Md Ariffin dan Mohd Anuar Ramli (2020), dalam tipologi aliran hukum Islam, terdapat aliran baharu iaitu *Fiqh* Pasca Modernisme yang mentafsir semula nas hukum Islam yang mana pandangan yang mereka tafsirkan bersifat radikal dan jelas bertentangan dengan ulama klasik mahupun kontemporari.

Di samping itu, menurut Nazmi Yaakob (2018), golongan penganas dan ekstremis agama Islam ini memanipulasikan agama serta menafsirkan nas al-Quran dan hadis secara menyeleweng. Mereka turut mempergunakan al-Quran demi kepentingan agenda mereka yang mana ia bertentangan dengan kaedah para sahabat, tabiin, fuqaha, ulama kalam, hadis dan tasawwuf memahami al-Quran dan sunnah dengan cara yang sistematik seperti sanad keilmuan yang tersusun dan teliti dalam tradisi ilmu agama Islam. Tambahan lagi, menurut Akhbar Satar (2015) menjelaskan bahawa golongan ini mudah *mubidaah*, mensyirikkan dan mengkafirkan majoriti ulama dan umat Islam sehingga membawa kepada menghalalkan darah sesama saudara Islam. Selain itu, dalam kajian Muhammad Afifi Abdul Hamid, Mohamad Zaidi Abdul Rahman & Raja Hisyamudin Raja Sulong (2022) menjelaskan bahawa pengeboman pada tahun 11 September 2001 di Amerika Syarikat (AS) menjadi tarikh yang di ingati apabila kelompok ekstremis agama Islam menyerang menara kembar World Trade Centre (WTC) dan seterusnya

menjadi salah satu faktor terbesar bagi Amerika Syarikat (AS) memperkenalkan kempen “*War on terror*” iaitu sembilan hari pasca pengeboman 11 September serta ia menjadi titik mula bagi Barat yang diketuai oleh AS sendiri dalam membenarkan semua keganasan global yang berpunca daripada umat Islam. Mereka mula melancarkan operasi ketenteraan di negara-negara umat Islam sebagaimana yang terjadi di Iraq dan Afghanistan. Oleh kerana itu, kempen memerangi penganas di peringkat global ini memberikan kesan yang cukup besar kepada politik dan pentadbiran tempatan bagi negara-negara Islam.

Tambahan pula menurut Syafawani Mohd Hashim dan Wan Fariza Alyati Wan Zakaria (2020), rentetan daripada peristiwa pengeboman itu juga menyebabkan lahirnya istilah *Islamophobia* di dalam masyarakat antarabangsa. Walaupun begitu, kemunculan DAESH ataupun atau lebih dikenali sebagai ISIS (*Islamic State of Iraq and Syria*) pada 2014 telah meningkatkan lagi persepsi terhadap *Islamophobia* di seluruh dunia. Kumpulan ini berpegang dengan konsep tauhid dan jihad yang bersifat ekstrem serta bertentangan dengan akidah *Ahlussunnah Wal Jamaah*. Sebelumnya dalam kajian Syafawani Mohd Hashim dan Wan Fariza Alyati Wan Zakaria juga pada tahun 2019 menjelaskan bahawa terdapat satu ramalan dalam kajian lepas mengenai munculnya aktor-aktor baru dalam konflik masa hadapan dalam bentuk organisasi keganasan dan negara-negara yang akan bergolak. Tidak lama setelah itu, pada tahun 2014 setelah ramalan itu dilakukan, dunia telah menyaksikan kemunculan kelompok DAESH setelah pengistiharan kekhalifahan Abu Bakr al-Baghdadi. Pada era pasca moden, mereka menggunakan *platform internet* yang mana ia membuka peluang yang cerah kepada kumpulan DAESH dari sudut risikan terhadap musuh mereka seperti risikan laman sesawang kerajaan, mengetahui cara pembuatan bom, membolehkan mereka mensabotaj atau menyerang infrastruktur negara yang bergantung kepada teknologi telekomunikasi. Selain itu, kekecewaan mereka terhadap pemerintahan *tahgut* dan zalim menjadikan salah satu faktor mereka ingin mendirikan pemerintahan khalifah yang dianggap suci dan mulia sebagai satu gagasan politik Pan Islamis yang merentasi sempadan bangsa dan negara. Ianya juga merupakan misi jihad sebagai kaedah untuk merealisasikan visi tersebut di samping membebaskan mereka daripada kejahatan jahiliyyah moden barat.

Secara umumnya, corak keganasan terbahagi kepada dua iaitu kerajaan intimidasi (yang menggugut rakyat) dan intimidasi ke atas kerajaan (ugutan keatas kerajaan). Oleh itu keganasan yang bercorak intimidasi ke atas kerajaan bermula sejak pertengahan abad ke-20 sehingga akhir abad ke-20 yang boleh dirujuk sebagai Keganasan Lama manakala Keganasan Baru dirujuk selepas bermula pada abad ke-21. Tambahan pula, ciri Keganasan Lama adalah matlamat memperjuangkan ideologi berciri dan bersifat *secular Marxisme*, komunisme, anarkisme dan etno-nasionalisme dalam menguasai politik. Walaupun begitu, ia berbeza dengan ciri Keganasan Baru iaitu sering menggunakan agama sebagai justifikasi keganasan sebagai contoh kumpulan penganas yang memanipulasikan fahaman Islam daripada persepsi masing-masing untuk menggunakan keganasan sebagai senjata bagi mencapai matlamat politik mereka seperti Al-Qaeda, Jemaah Islamiyah (JI) dan Hizbollah atau Islamic Jihad (Pushpamalar Govindaraju, Mohd Rizal Abd Rahman & Shahrul Mizan Ismail 2022). Selain itu, kemunculan pelbagai kelompok penganas ini juga menyebabkan ramai yang terpengaruh dengan propaganda mereka seperti ISIS kerana mereka menggunakan nama agama Islam dalam menyebarkan ideologi tersebut. Dalam konteks di Malaysia, kumpulan ini juga mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam di negara ini. Selain itu, dalam Dasar Keselamatan Negara 2021-2025, perkara ini telah dinyatakan jelas oleh Majlis Keselamatan Negara (2021), manakala Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam oleh Kementerian Dalam Negeri (2019) memberi penekanan yang tinggi terhadap kelompok ekstremis agama Islam dalam menghadapi ancaman mereka agar tidak mempengaruhi masyarakat Malaysia yang majoritinya beragama Islam. Ini kerana ideologi yang dibawa oleh kumpulan ekstremis

agama Islam ini berkait rapat dengan kesalahfahaman dan penyalahgunaan dalam ajaran agama Islam (Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Fauzi Hamat 2022). Contohnya apabila diteliti kelompok al-Qaeda sebagai salah sebuah kumpulan ekstremis agama Islam, ideologi yang dibawa oleh kelompok ini adalah berdasarkan tafsiran al-Quran yang berbeza dengan ulama Islam muktabar manakala pemahaman mereka pula bersifat berat sebelah terutamanya berkenaan dengan makna dan penggunaan *jihad*. Oleh itu, secara tidak langsung, kelompok ini telah mencemarkan nama baik Islam sebagai agama yang meninggikan nilai keamanan dalam beragama. Tambahan lagi, dalam pemerhatian terhadap ideologi al-Qaeda, ancaman yang datang bukan sahaja dari serangan dan keganasan, tetapi dari ketakutan kemunculan ancaman Islam. Selain itu, al-Qaeda turut mencipta ideologi yang radikal bertujuan untuk menentang AS yang merupakan perintis kepada Barat kerana nilai-nilai yang dibawa oleh Barat yang menjadi musuh teras kepada kelompok ini di samping matlamat mereka yang ingin menubuhkan kerajaan khalifah dengan menggunakan cara yang radikal (Ararat Kostanian 2021).

Selain itu, jika melihat pula dalam konteks di Indonesia secara ringkas, terdapat seorang tokoh pengganas Nusantara yang bernama Aman Abdurrahman yang melontarkan ideologi ekstrem agama Islam dalam penulisan beliau yang bertajuk Seri Materi Tauhid yang mana terdapat banyak penyelewengan dan kekeliruan dalam penulisan tersebut. Di samping itu, terdapat empat pembentukan ideologi yang cuba dibawa antaranya adalah: kalimah *La Ilaha Illa Allah* yang merupakan konsep utama *tauhid*. Kedua adalah pemerintah merupakan *taghut* dan demokrasi itu kafir. Ketiga ialah *takfir* (mengkafirkan) pelaku dosa dan syirik besar manakala yang terakhir ialah kewajipan berjihad dalam memerangi orang yang dikafirkan dan ia merupakan kesinambungan atau rantaian daripada pemikiran silam khususnya *Khawarij* dan kemudian berkembang menjadi *Salafi-Wahabi* (Muhammad Rashidi Wahab et. al 2022). Oleh itu, sememangnya pengaruh ideologi ekstremis agama Islam dari negara Indonesia tersebut turut memberi kesan kepada Malaysia. Menurut Mohd Hashim & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria (2020), dalam sejarah pembentukan negara Malaysia, ancaman yang berunsurkan kumpulan militan ini pernah wujud iaitu daripada kumpulan Pertubuhan Darul Islam (PDI) Indonesia iaitu apabila sebilangan kecil daripada kumpulan ini telah menyeludup ke Malaysia kerana melarikan diri dari regim Suharto sekitar tahun 1985. Setelah itu, kelompok ini terus mengembangkan ideologi mereka dalam komuniti masyarakat Indonesia di daerah Kuala Pilah, Malaysia. Kemudian wujudnya satu kumpulan baru yang bernama Jemaah Islamiyah (JI) namun ia diharamkan di negara ini kerana kumpulan ini mempunyai hubungan dengan gerakan al-Qaeda dan Abu Sayyaf yang dikenali sebagai kumpulan pengganas. Selain itu, mutakhir ini antara ideologi yang berjaya mempengaruhi masyarakat Islam di Malaysia ialah ideologi kumpulan militan Islamic State of Iraq and the Levant (DAESH). Tambahan pula, masyarakat Malaysia mudah terpengaruh kerana kumpulan ini menggunakan media sosial sebagai *platform* utama dalam menyebarkan ideologi mereka. Lebih membimbangkan lagi, Polis Diraja Malaysia telah mengeluarkan data yang menunjukkan penglibatan rakyat Malaysia dalam kumpulan DAESH semakin meningkat sebanyak 200 peratus yang merangkumi data penglibatan dan penangkapan.

Di samping itu, walaupun terdapat fatwa secara jelas mengharamkan penyertaan umat Islam dalam kumpulan tersebut, namun penyertaan dan pertambahan rakyat Malaysia dalam perjuangan ISIS yang membawa ideologi ekstrem masih lagi berlaku. Terdapat dua kumpulan besar yang boleh dipecahkan disertai oleh rakyat Malaysia dalam kumpulan ISIS iaitu yang pertama adalah rakyat Malaysia yang pernah terlibat memerangi Rusia dalam pasukan mujahidin di Afghanistan dan sebahagian daripada mereka meneruskan perjuangan sebaik sahaja ISIS ditubuhkan. Manakala sebahagian besar daripada kumpulan kedua terdiri daripada

golongan muda dan belia yang mana mereka tidak mempunyai pengalaman dalam menyertai sebarang kegiatan bersenjata sebelumnya. Tambahan pula mereka ini mempunyai daya tahan fizikal, mental dan intelektual yang tinggi. Selain itu, golongan ini kurang kritikal atau dangkal dalam menilai sesuatu perkara, mempunyai keinginan yang tinggi untuk dilihat sebagai dewasa, tekanan dari konflik keluarga serta mempercayai janji penghapusan dosa silam dengan kaedah menyertai kumpulan ekstremis agama Islam ini. Di samping itu, mereka turut terdedah dengan propaganda kumpulan ekstremis melalui dua cara iaitu melalui usrah yang menjadi *platform* untuk merekrut pengikut khususnya di institut pengajian tinggi manakala cara kedua ialah menerusi media sosial seperti *Youtube*, *Whatsapp*, *Facebook*, *Twitter* dan media sosial yang lain (Mohd Roslan Mohd Nor et al, 2022). Hal ini disokong dengan kajian oleh Agil Muhammad Sahal & Agung Bayuseto (2021) mengenai gerakan radikalisme Islam yang berputik dalam masyarakat yang mana media sosial telah menjadi ruang kepada mereka sebagai kaedah baru untuk mereka melaksanakan dakwah, pengambilan, latihan, perancangan, atau doktrin seruan kepada tertegaknya Khilafah *Islamiyyah*, melancarkan gerakan dengan kecenderungan menggunakan kekerasan dengan menolak semua idea yang bercanggah dengan pemikiran mereka. Selain itu, faktor kemunculan radikalisme agama ini ialah emosi dalam beragama, sosio-politik, budaya kelompok radikal dan ekstremis yang lebih gemar memakai istilah yang lebih positif dalam melakukan aksi kekerasan dan keganasan tanpa diliputi rasa bersalah seperti istilah *jihad*, *syahid*, *jannah*.

Berkait dengan perkara di atas, terdapat sebuah kajian terhadap beberapa belia dan pemimpin belia yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi. Kajian ini dilakukan oleh Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad dan Kamarulzaman Abdul Ghani (2021). Hasil temu bual mendapati terdapat dua tema dalam kajian tersebut iaitu ekstremis merupakan perbuatan melampau dan keterlaluan, manakala yang kedua ialah luahan perasaan dan emosi. Dalam isu yang berkaitan agama pula, ianya menjadi isu dominan yang mendorong kepada berlakunya perlakuan ekstremis tersebut yang mana sentimen agama seperti isu agama dari luar negara dipergunakan dan konsep *jihad*. Selain itu, informan turut bersetuju bahawa isu agama di Malaysia tidak begitu banyak yang menjadi faktor kepada ekstremisme namun jika berkait dengan isu-isu agama di serantau seperti di Palestin dan Syria, rakyat Malaysia mudah terpengaruh dan terlibat dengan gejala ini. Manakala faktor-faktor yang mendorong belia terlibat dengan aktiviti ini ialah salah faham terhadap konsep *jihad*, ideologi didakwa sebahagian daripada agama, ideologi politik radikal dan kegagalan mengurus perbezaan seperti perbezaan agama dan sebagainya. Walaupun begitu, majoriti belia mempunyai kefahaman yang tinggi terhadap konsep ekstremisme. Selain itu, hasil kajian dalam artikel ini menunjukkan faktor utama yang menyebabkan majoriti belia melibatkan diri dengan ekstremisme adalah persekitaran luar iaitu pengaruh fahaman politik serta kurangnya didikan agama.

Selain itu, menurut Mohd Roslan Mohd Nor (2022), mereka menjadikan golongan muda dan belia sebagai serta sasaran utama mereka. Tambahan pula, institusi pengajian tinggi telah dijadikan salah satu dan lubuk atau lokasi tumpuan mereka. Saluran yang digunakan iaitu melalui usrah secara rahsia pada kebiasaannya manakala menerusi *platform* media sosial seperti *Whatsapps*, *Twitter*, *Facebook* dan sebagainya serta ia turut menjadi salah satu tempat mereka untuk mereka *berbai'ah*. Di samping itu, pihak autoriti agama di Malaysia juga pernah mengeluarkan kenyataan bagi menegaskan pendirian terhadap gerakan ekstremisme agama Islam seperti dari pihak Majlis Fatwa Kebangsaan Muzakarah berpandangan bahawa keghairahan dan kecenderungan umat Islam yang berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep *jihad* dan mati *syahid*. Walaupun terdapat fatwa ini, rakyat Malaysia tetap terjerumus dalam kelompok ekstremis

agama Islam yang mana dapat dibuktikan apabila setakat Februari 2018, pihak keselamatan Malaysia mendapati bahawa terdapat lebih 50 orang rakyat Malaysia yang tidak dapat dipastikan status mereka sedang berada di Syria mahupun menyertai dalam perjuangan ISIS.

Selain kajian yang dilakukan terhadap golongan belia di institut pengajian tinggi, terdapat kajian yang dilakukan terhadap penglibatan ekstremisme dalam kalangan masyarakat kelas bawahan di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa keseluruhan tangkapan yang menunjukkan majoriti yang terlibat adalah golongan kelas bawahan. Selain itu, penglibatan golongan kelas bawahan dalam kegiatan ini mempunyai pelbagai faktor. Salah satu faktor tersebut adalah perasaan marah, sedih dan simpati dengan nasib yang menimpa umat Islam serta seseorang yang mempunyai perasaan ini adalah berkemungkinan akan menuju ke arah tindakan ekstremisme (Mohd Irman Mohd Abd Nasir et. al 2022). Seterusnya Ahmad Munawar Ismail dan Siti Madiah Kamaruddin (2020) telah menjalankan kajian terhadap penjawat awam beragama Islam di Malaysia. Hasil mendapati tahap pengetahuan konsep ekstremisme masyarakat Islam adalah tinggi dan tahap kefahaman masyarakat Islam mengenai ekstremisme juga adalah tinggi. Manakala reaksi pencegahan rakyat Malaysia terhadap aktiviti ekstremisme juga adalah tinggi keseluruhan. Dapatan kajian yang dilakukan menunjukkan masyarakat Islam di Malaysia telah matang dalam isu yang melibatkan ekstremisme serta telah mengambil pendekatan sewajarnya dalam menghadapi isu-isu berkaitan ekstremisme ini kajian yang diperolehi menunjukkan gerakan aliran ekstremis masih lagi terkawal namun perlu sentiasa dipantau.

Menurut Nur Solehah Mohd Yazid, Mohd Hasrul Shuhari dan Najihah Abdul Wahid (2020), pihak berkuasa telah mewujudkan beberapa jabatan agama Islam dalam usaha membendung fahaman-fahaman dan aktiviti ekstrem agama Islam yang menyeleweng. Selain itu terdapat akta-akta pencegahan ekstremis di Malaysia ini ialah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) dan Akta Pencegahan Keganasan (POTA) (Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Kamarulzaman Abdul Ghani 2021). Di samping itu, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga memainkan peranan dalam isu ekstremis agama Islam di Malaysia. Menurut Nur Solehah Mohd Yazid dan Mohd Hasrul Shuhari Najihah Abdul Wahid (2020), JAIS telah menerbitkan buku yang berkaitan dengan himpunan ajaran dan amalan yang difatwakan sesat dan menyeleweng dalam negeri Selangor. Buku tersebut turut memberi penerangan mengenai isu-isu semasa sama ada ia melibatkan fahaman Islam atau doktrin yang meragui kebenarannya seperti Fatwa Gerakan Militan *al-Dawlah Iraq wa Syam* atau *Militan Islamic State, Islamic State in Iraq wa Syam* atau *Militan Islamic State* dan juga pelaksanaan e-tauliah supaya fahaman ekstremis agama Islam tidak tersebar. JAIS turut mewujudkan kerjasama dalam semua jabatan dengan memperbanyakkan program kesedaran, seminar, menjalankan aktiviti penangkapan terhadap mana-mana individu yang didapati terlibat dengan kumpulan ekstremis agama Islam.

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, salah faham terhadap konsep *jihād*, daya penarik bagi ideologi serta media massa sebagai alat propaganda menjadi faktor kepada terjerumus dan terlibatnya rakyat Malaysia dalam kumpulan DAESH. Melalui media massa, mereka turut memuat naik isi kandungan perjuangan mereka dalam Bahasa Melayu. Selain itu, walaupun terdapat Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada tahun 2014 yang menyatakan bahawa perbuatan rakyat Malaysia yang menyertai kumpulan DAESH ini dikategorikan sebagai perjuangan yang sia-sia dan bertentangan dengan syarak, namun jumlah tangkapan yang mengandungi elemen DAESH di bawah Security Offences (Special Measures) Act 2012 (SOSMA) yang bermula pada tahun 2014-2019 menunjukkan pertambahan jumlah sebanyak 501 orang. Tambahan pula, faktor luaran dan faktor dalaman

juga memainkan peranan penting dalam penglibatan rakyat Malaysia dalam kelompok ekstremis agama Islam ini. Oleh itu, faktor dalaman tersebut adalah apabila seseorang tidak memahami konsep *jihad* mudah terjerumus dalam propaganda mereka manakala faktor luaran seperti ideologi, media massa persekitaran, didikan keluarga mempengaruhi individu tersebut (Syafawani Mohd Hashim & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria 2020). Walaupun begitu, menurut Kartini Aboo Talib @ Khalid Muhammad Helmy Abd. Gapar dan Ahmad Munawar Ismail (2019), maksud atau istilah ekstremisme atau keganasan melampau adalah debat yang menjadi perbincangan yang masih belum selesai. Di samping itu, istilah tersebut turut merangkumi perbuatan, keputusan, tindakan, kategori dan aktiviti yang dianggap terarah kepada keganasan fizikal atau ideologi yang menjurus kepada perlakuan ganas. Selain itu, Ahmad Munawar Ismail, Abdul Muhaimin Mahmood dan Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim (2021) menyatakan bahawa perwatakan ekstremis ialah perwatakan yang sukar untuk dikenal pasti pada peringkat awal, namun seseorang itu dikenali hanya selepas mereka ditahan sebagai pesalah ekstrem. Oleh kerana itulah kegagalan untuk mengenal pasti elemen-elemen ekstrem seringkali memberi kejutan dengan kehadiran kelompok ini. Tindakan ekstremis juga dilakukan kerana salah faham terhadap teks-teks agama Islam menyebabkan munculnya satu sudut pandang bahawa agama Islam membawa keganasan.

Menurut Mohd Abbas Abdul Razak, Sayed Sikandar Shah Haneef dan Abdul Salam Muhamad Shukri (2019), Barat mempercayai bahawa keganasan dan tragedi yang dihadapi oleh masyarakat dunia kerana orang-orang Islam yang menyeru untuk berperang dan berjihad manakala manusia yang lain menangis untuk keamanan dan keharmonian. Selain itu, Ramalingam Rajamanickam et al (2020) dalam kajian beliau telah mempersoalkan adakah ekstremisme ganas hanya tertumpu kepada Islam. Maka menurut pengkaji dalam kajian lepas ini, soalan-soalan ini perlu dijawab terlebih dahulu sebelum kerajaan memulakan inisiatifnya dalam mencegah ekstremisme ganas di negara ini. Tambahan pula, Malaysia mempunyai banyak perundangan yang bertindak sebagai undang-undang pencegahan, tetapi tiada satu pun perundangan mentakrifkan ekstremisme. Di samping itu, inisiatif termasuk penggubalan dasar dan undang-undang telah telah diambil untuk mewujudkan rangka kerja yang jelas untuk memastikan keamanan oleh kerajaan Malaysia. Oleh itu, beberapa dasar utama, khususnya Dasar Keselamatan Negara (NSP), Dasar Keselamatan Dalam Negeri (ISP) dan Dasar Pertahanan Negara (NDP) telah diperkenalkan. Namun begitu secara umumnya, tiada definisi yang dipersetujui secara universal bagi istilah ekstremisme yang bersifat ganas.

Terdapat beberapa definisi yang telah dibangunkan di peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa antaranya adalah definisi yang diberikan oleh Biro Siasatan Persekutuan iaitu menggalakkan, membenarkan, mewajarkan, atau menyokong perbuatan ganas untuk dicapai matlamat politik, ideologi, agama, sosial, atau ekonomi. Meskipun perkataan ekstremisme biasa digunakan di Malaysia, namun tidak ada perundangan yang menerangkannya secara eksplisit ataupun secara jelas tanpa berkias-kias. Ini telah membawa kepada pelbagai definisi yang diberikan kepada istilah oleh pelbagai institusi dan sarjana yang mungkin mengakibatkan ketidakpastian dan kesamaran. Istilah ini biasa digunakan oleh masyarakat untuk menggambarkan tindakan atau pemikiran seseorang yang dianggap melampau terutamanya daripada perspektif agama. Selain itu, kerajaan juga menggunakan istilah ekstremisme dalam agama dan konteks sosial. Tambahan pula, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2014 telah menghadkan definisi ekstremisme kepada agama Islam sahaja sekaligus memperlihatkan bahawa definisi ini bersifat sangat spesifik dan sempit. Apabila tiada kata sepakat dalam mentakrifkan ekstremisme antara kerajaan mahupun penyelidik atau antara dasar dan operasi, maka tidak hairanlah terdapat banyak pandangan kabur dalam menjelaskan konsep ekstremisme itu sendiri. Ketiadaan tafsiran yang tepat



tersebut menimbulkan pelbagai tafsiran yang berbeza di samping mewujudkan kesukaran dalam mentakrifkan skop ekstremisme terutamanya ekstremis agama Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun kajian ini dilihat cukup baik dalam menjelaskan bagaimana undang-undang yang berkaitan dengan ekstremisme di Malaysia diwujudkan dan dilaksanakan.

Oleh yang demikian, dalam merumuskan sorotan kajian literatur menerusi kajian lepas yang dijalankan mengenai ekstremis agama Islam di Malaysia pasca moden, pengkaji dapat merumuskan bahawa pengkajian mengenai isu ekstremis agama Islam di Malaysia yang dijalankan oleh para sarjana semakin mendapat perhatian. Walaupun begitu, masih banyak lagi kajian yang bersifat temu bual perlu dijalankan oleh para ahli akademik. Terdapat juga kajian ini dilihat tidak mengeluarkan statistik tangkapan yang telah dibuat seperti contoh tangkapan yang dibuat JAIS. Ini kerana statistik merupakan kayu ukur yang sangat penting dalam menentukan pengaruh dan perkembangan terkini ekstremisme agama Islam di Malaysia. Selain itu, kajian yang dijalankan berkaitan dengan golongan belia di institut pengajian tinggi juga tidak melibatkan golongan belia yang terlibat secara langsung dalam kegiatan ekstremis agama. Menurut pengkaji, kajian yang dijalankan ke atas rakyat Malaysia sebelum ini masih mempunyai kekurangan iaitu temu bual terhadap golongan kelas bawahan yang tidak mendapat pendidikan yang baik serta mereka yang terlibat secara langsung dalam kegiatan ekstremis agama Islam di mana-mana pusat tahanan. Seterusnya, faktor-faktor terbesar menyebabkan seseorang terjerumus kepada ekstremis agama Islam adalah disebabkan kurangnya didikan, pengetahuan agama serta salah faham terhadap istilah-istilah yang dilihat bersifat perjuangan Islam seperti konsep *jihad* dan *syahid*.

Di samping itu, isu berkenaan dengan istilah ekstremis masih lagi menjadi persoalan dalam kalangan para sarjana iaitu tiada istilah khusus yang menggambarkan perbuatan ekstremis agama dan isu tersebut masih lagi tidak diselesaikan. Tambahan pula, hal yang kurang disentuh ialah kemunculan pasca moden dengan kelahiran dan kerancakan teknologi internet menjadi satu bonus dan peluang kepada kelompok ekstremis Islam dalam penyebaran *diayah* serta mencari pengikut. Melalui kajian-kajian lepas juga pengkaji mendapat sedikit sebanyak berkenaan perbezaan antara ciri-ciri ekstremis di zaman moden dan di era pasca moden. Tuntasnya, penelitian mengenai corak ekstremis adalah sesuatu yang penting bagi memastikan kita tidak ketinggalan jauh dengan sebarang perubahan mendadak dari pelbagai aspek. Tambahan pula, kelahiran pasca moden pada abad ke 20 melahirkan dua perkara yang pertama iaitu kemunculan ekstremis yang mempergunakan agama Islam di samping menyimpang daripada ajaran asal sebagai agenda utama mereka manakala yang kedua, munculnya perkembangan internet yang mana memudahkan kelompok ekstremis agama Islam ini tersebar ke Malaysia. Hal ini sudah semestinya memberikan peluang yang cukup cerah kepada kelompok ini dalam memudahkan urusan *diayah* mereka khususnya kepada rakyat Malaysia. Justeru, ekstremis agama Islam ialah istilah yang tidak tertumpu kepada negara yang mengalami pergolakan, keganasan dan peperangan seperti negara yang berlaku di Iraq, Syria dan negara-negara yang menghadapi serangan ekstremis agama sama ada dari segi ideologi dan tindakan, namun ia juga berlaku di seluruh dunia termasuklah di Malaysia.

Akhir secara keseluruhannya, ekstremis agama Islam pasca moden memperlihatkan bahawa suatu corak baharu yang dilihat mempunyai karakter berbeza dengan zaman sebelumnya. Pada era pasca moden, mereka bersifat lebih relatif dan cuba memanipulasikan agama Islam dengan melaungkan seruan *jihad*, syurga dan *syahid* namun ideologi dan penafsiran yang dibawa jelas bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah. Peristiwa 11 September 2001 juga antara menjadi pencetus utama kepada pandangan serong dunia terhadap dunia Islam yang dipanggil sebagai *Islamophobia* ditambah lagi dengan kepintasan maklumat

palsu yang merentasi sempadan dengan kelahiran internet. Dalam konteks di Malaysia, negara Indonesia juga membawa pengaruh terhadap penyebaran ideologi ekstremis agama Islam di era pasca moden ini. Sebagaimana yang telah disebut sebelum ini, kelahiran internet di pasca moden merupakan salah satu *platform* kepada mereka yang berpegang dengan ideologi ekstremis agama Islam untuk menyebarkan ideologi mereka khususnya kepada golongan belia yang mempunyai semangat juang yang tinggi terhadap agama serta kepada golongan yang ingin menebus dosa dengan cara berjihad di dalam kumpulan militan ini. Implikasinya menyebabkan lahirnya generasi Islam yang bersifat radikal, *jumud* dan ekstrim dalam memperjuangkan agama Islam di samping menyebabkan Islam dan masyarakat Islam itu sendiri di pandang sebagai penganas dan agama yang hina di mata dunia.

## KESIMPULAN

Ekstremis agama Islam merupakan suatu isu yang tidak boleh dipandang enteng di Malaysia khususnya dengan kelahiran pasca moden yang bersifat relatif dan bertentangan dengan ajaran dan pegangan Islam yang bersifat mutlak. Islam mempunyai disiplin ilmu yang sistematik yang telah disusun oleh ulama-ulama muktabar terdahulu. Golongan ekstremis agama Islam memanipulasikan agama dengan membuat penafsiran berat sebelah terutamanya berkaitan dengan ayat *jihad*. Tambahan pula, kecairan nilai dan ideologi yang terdapat dalam pasca moden merancakkan lagi pandangan negatif dan kecelaruan terhadap agama Islam.

Pengkaji turut mencadangkan supaya para ahli akademik merancakkan lagi pengkajian dan pendedahan berkait dengan agama Islam di Malaysia dengan salah satu caranya menemu bual secara langsung rakyat Malaysia yang di tahan atas kesalahan keganasan agama Islam. Selain itu, pihak berkuasa dan berautori perlulah sentiasa berwaspada walaupun hasil kajian mendapati kelompok ekstremis agama Islam di Malaysia masih lagi terkawal kerana mereka sentiasa mempunyai rancangan dan strategi licik dalam mengaburi mata pihak berkuasa. Pelbagai lapisan masyarakat juga perlu peka dan berhati-hati dalam menerima seruan dakwah Islam khususnya yang berkaitan *jihad* serta mana kegiatan yang menunjukkan unsur keganasan demi untuk menjaga kemurnian dan keharmonian di negara ini

## RUJUKAN

- Agil Muhammad Sahal & Agung Bayuseto. 2021. Menakar Sejarah Gerakan Radikalisme Islam serta Upaya Pemerintah dalam Mengatasinya. *Focus* 2(2) 114-125.
- Ahmad Munawar Ismail, Abdul Muhaimin Mahmood, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim .2021. Mengenal Pasti Perwatakan Ekstremis Melalui Disiplin Fiqh Taayush *Islāmiyyāt*. 43(1): 121 – 134.
- Ahmad Munawar Ismail. Siti Madihah Kamaruddin. 2020. Reaksi Masyarakat Islam di Malaysia terhadap Ekstremisme. *Islāmiyyāt* 42(1): 103 – 112.
- Akhbar Satar. 2018. Kejahatan Kumpulan IS Cemari Islam. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/12/101202/Kejahatan-Kumpulan-Cemari-Islam> [25 September 203]
- Aminuddin Ruskam Al-Dawamy. 2004. Gagasan Naratif Dalam Pasca Moden: Cabaran Terhadap Orientasi Pendidikan Islam. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme. Hotel City Bayview, Langkawi, 4-6 September.

- Ararat Kostanian. 2021. The Heretic Nature of Al-Qaeda's Ideology oleh Ararat Kostanian. *Jurnal Studi Sosial dan Politik* 5(2):148-156.
- José Hernández Rubio. 2019. Research Internet and Postmodernity: A Communication Support as Necessary as Irreverent at Present Time. *Pedagogical. Vivat Academia* 146: 21-41.
- Kamus Dewan. 2017. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid Muhammad Helmy Abd. Gapar & Ahmad Munawar Ismail. (2019) Ekstremisme: Maksud Dan Konteks Keganasan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 46 (2) :150-177.
- Majlis Agama Islam Selangor. 2015. *Pasca Modenisme dan Kelangsungan Islam*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- Mohamad Kamal Abb. Aziz. 2021. Era Modenisme Dan Pascamodenisme: Suatu Transformasi Seni Visual Dalam Konteks Sosio-Budaya. *International Journal of Art & Design* 5(2): 59-68.
- Mohd Abbas Abdul Razak, Sayed Sikandar Shah Haneef, Abdul Salam Muhamad Shukri. 2019. Muslim World in Encountering the Challenges of Global Extremism and Terrorism. *International Journal of Business, Economics and Law* 18(6): 100-108.
- Mohd Irman Mohd Abd Nasir. Hanif Md Lateh. Rahimah Embong. Muhamad Azuan Khairudin. 2022. Penglibatan Ekstremisme dalam Kalangan Masyarakat Kelas Bawahan di Malaysia. *Asian Journal of Civilizational Studies* 4(3): 33-54.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Kamarulzaman Abdul. 2021. Ekstremisme dalam Kalangan Belia Berpendidikan Tinggi di Malaysia: Pengkonsepsian dan Faktor yang Mendorong. *Journal of Malaysian Studies* 39 (2).
- Mohd Roslan Mohd Nor, Misnal Munir, Moses Glorino Rumambo Pandinc & Muhammad Khalis Ibrahim. 2022. Penglibatan Rakyat Malaysia dalam Ekstremisme Agama dan Langkah-Langkah Deradikalisasi. *Online Journal of Research in Islamic Studies* 9(1): 31-46.
- Muhammad Adam Abd. Azid, Mohd Farhan Md Ariffin<sup>2</sup> & Mohd Anuar Ramli. 2020. Revolusi Hukum Islam Pascamodenisme: Analisis Terhadap Isu-Isu Gender. *Rabbanica* 1(1): 173-194.
- Muhammad Afifi Abdul Hamid, Mohamad Zaidi Abdul Rahman & Raja Hisyamudin Raja Sulong. 2022. Doktrin Timur Tengah Baharu. *Al-Basirah Journal* 12 (2): 55-72
- Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Hasrul Shuhari, Mohd Fauzi Hamat. 2022. Mendepani Ekstremisme Melalui Pendekatan Ahli Sunah Waljamaah Berteraskan Wasatiyyah. *Journal of Public Security and Safety* 14 (2): 151-173.
- Muhammad Rashidi Wahab, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Wan Ruzailan Wan Mat Rusoff. 2022. Ideologi Ekstrem Dalam Seri Materi Tauhid. *Journal of Public Security and Safety* 14 (2): 15-40.
- Nazmi Yaakub. 2018. Terjerat Dakyah 'Jihad' Cemar Imej Islam. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/Rencana/Komentar/2018/05/427155/Terjerat-Dakyah-Jihad-Cemar-Imej-Islam> [25 September 2023]

- Nur Solehah Mohd Yazid Mohd Hasrul Shuhari Najihah Abdul Wahid. 2020. Peranan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Dalam Menangani Isu Ekstremisme di Selangor. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 214-226.
- Pushpamalar Govindaraju, Mohamad Rizal Bin Abd Rahman & Shahrul Mizan Ismail. 2020. Dilema Definisi Ekstremisme Ganas di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Juum* 27: 3-19.
- Pushpamalar Govindaraju, Mohd Rizal Abd Rahman & Shahrul Mizan Ismail. 2022. Aliran Perkembangan dan Perubahan Corak Keganasan. *Akademika* 92(1): 87-100.
- Sharifah Sofiah 'Atiqah Syed Ibrahim Dan Ismail Yusof. 2004. Teori Pascamoden Dan Krisis Sosial:Penjelasan Teori Ke Atas Fenomena Sosial. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti*, Hlm. 1-2.
- Syafawani Mohd Hashim & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2019. Ideologi Keganasan DAESH dan Cabaran Perpaduan serta Keharmonian Negara. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(2): 83-95.
- Syafawani Mohd Hashim, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2020. Ancaman Ideologi Keganasan: Faktor-Faktor Penglibatan Masyarakat Malaysia dalam Kumpulan Daesh. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 23 (1) 2020: 111-127.
- Yuyun Rohmawati .2021. Islam dan Neo-Modernisme/Post-Modernisme (Perspektif Nurcholish Madjid dan Abdurrahman Wahid). *Ilmu Ushuluddin* 20(1):60- 71.